

Belum sedia berumah tangga

Gadis perlu waktu kenali hati budi lelaki pilihan keluarga sebelum ke alam perkahwinan



BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar
Seksyen Kaunseling
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

? Saya lepasan sekolah menengah dan berasal daripada keluarga sederhana. Masalah saya amat sukar kerana dipaksa berkahwin dengan lelaki pilihan keluarga, sedangkan saya belum bersedia ke arah itu. Saya tertekan kerana tiada kesempatan untuk menyuarakan isi hati ini.

Benar, saya tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Namun, saya mempunyai cita-cita untuk memperbaiki kehidupan pada masa akan datang.

Saya juga tidak mengenali lelaki yang bakal saya kahwini. Jika boleh, saya ingin mengenalinya terlebih dulu sehingga saya benar-benar bersedia untuk berkahwin.

Saya tidak mahu menjadi anak derhaka, namun seboleh-bolehnya biar keinginan untuk berkahwin itu datang daripada saya sendiri. Tolong saya, apakah yang perlu saya lakukan?

! Berkahwin satu fitrah manusia dan ia juga rahsia Allah. Kita tidak mengetahui mengenai ajal, maut, jodoh dan rezeki. Segala-galanya datang dan ditakdirkan Allah.

Namun, dalam situasi anda, niat dan keinginan untuk berkahwin itu bukan datang daripada anda tetapi dirancang keluarga.

Anda juga tidak mengenali bakal suami dan memerlukan waktu untuk mengenali hati budi sebelum ke alam perkahwinan.

Merujuk situasi ini, ada beberapa perkara perlu diperincik oleh anda mengikut kesesuaian waktu dan keselesaan sendiri. Yang pasti, kehidupan anda adalah tanggungjawab anda sendiri.

Cari peluang dan waktu sesuai untuk berbincang dengan keluarga. Jika anda katakan tidak diberi kesempatan untuk menyuarakan isi hati, sebaik-baiknya ciptakan waktu berkenaan.

Pilih ahli keluarga yang anda benar-benar selesa untuk berbicara, sama ada ibu atau bapa serta ahli keluarga terdekat.

Perjelaskan kepada mere-

SENGSARA
Perlis.



ka apa yang anda inginkan. Anda juga perlu berkongsi segala perasaan terhadap perkahwinan ini.

Jika benar, jodoh anda sampai. Sebaik-baiknya reda itu adalah pujuhan diri yang paling hampir.

Sekiranya anda meluahkan perasaan dan apa yang difikirkan, kemungkinan juga ahli keluarga akan memberi peluang untuk anda benar-benar bersedia.

Jika perkahwinan ini perlu dilaksanakan tanpa

persetujuan anda, berbincang untuk mengikat tali pertunungan terlebih dulu. Setidak-tidaknya anda berpeluang untuk membina hubungan dengan bakal suami secara lebih tenang dan mengikut hukum agama.

Jika anda memerlukan tempoh waktu untuk berfikir dan membuat keputusan, berlaku adil kepada diri adalah langkah bijak.

Manfaatkan kesempatan yang ada untuk membuat perancangan teliti. Sebagai

anak yang baik, kebahagiaan anda adalah kebahagiaan keluarga juga.

Berlaku adil bermaksud mengambil tindakan dan membuat keputusan yang baik untuk diri anda serta keluarga. Berbincang dengan keluarga dalam suasana harmoni adalah lebih baik, berbanding menerima saja keputusan dibuat dengan hati yang agak terpaksa.

Sebaiknya perkahwinan ini terbina atas landasan keserasan dan keredaan Allah. Berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian dan perbincangan yang harmoni.

Selain itu, jika anda memerlukan waktu dan peluang untuk mengenali hati budi bakal suami anda, maka pilih tindakan sesuai yang membolehkan anda mengenali bakal pasangan anda itu terlebih dulu.

Sesungguhnya, keterbukaan dalam penuh keberkatan dan ketulusan hati adalah kaedah sesuai untuk mengenali diri masing-masing.

Bersikap terbuka dan penuh hati-hati adalah penting dalam usaha mengenali yang lain.

Anda juga perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran tertentu yang diperlukan

sebelum bersedia menjadi isteri. Persediaan ini termasuk kesediaan secara emosi, rohani dan intelektual iaitu kemahiran diri yang diperlukan apabila bergelar isteri.

Dengan adanya persediaan ini, anda mungkin lebih bersedia untuk berkahwin atau memulakan perhubungan yang lebih serius dengan lelaki pilihan keluarga.

Sesungguhnya, keberkatan itu juga hadir daripada reda ibu bapa. Namun, persediaan dan penerimaan anda adalah lebih penting bagi memastikan rumah tangga bakal didirikan itu dibajai dengan kasih sayang dan reda Ilahi.

Perancangan juga boleh difikirkan untuk masa depan anda. Berkomunikasi dengan mereka yang lain supaya idea bercambah dan anda diberikan pengetahuan meluas mengenai peluang yang ada pada masa depan.

Apa yang penting, kesejahteraan untuk menjadi individu berkebolehan, matang dan rasional. Berdoa kepada Allah supaya dibukakan pintu hati untuk membuat terbaik dalam kehidupan anda.